

Pengaruh Gaya Seni Barat Dalam Arca “Perhubungan” (1964) Oleh Syed Ahmad Jamal

The Influence of Western Art Style in “Relationship” (1964) by Syed Ahmad Jamal

**Zainuddin Abindinhazir @ Abd. Rashid,
Abdul Aziz Zali @ Zalay**
Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
zainuddina@fskik.upsi.edu.my

Abstrak

Pengaruh gaya barat meninggalkan kesan terhadap perkembangan senirupa Malaysia. Pendokongan terhadap seni tradisi, persoalan identiti, jatidiri budaya dan desakan kemodenan telah membuka ruang komentar yang panjang. Makalah ini adalah inisiatif untuk meneliti dan memahami kesinambungan pengaruh gaya barat dalam sinario perkembangan seni arca tempatan. Penilaian ini mengkhususkan hanya sebuah karya, iaitu arca “Perhubungan” (1964) oleh Syed Ahmad Syed Jamal. Penelitian ini melibatkan pelaksanaan kerangka analisis formal melalui kaedah komparatif dan pembacaan ikonografi. Secara lebih khusus, pembacaan ikonografi bertujuan memahami makna-makna simbolik dan mengandaikan keberadaan asimilasi, adaptasi dan aplikasi elemen dan prinsip dari seni barat.

Kata kunci: Seni Barat, Seni Arca, Abstrak Ekspresionisme

Abstract

The influence of western art style left its mark on the development of Malaysian fine art. Reinforcement of traditional art, the search for identity, cultural identity and the pressures of modernization have opened up space for a continuous commentary. This paper is an initiative to study and understand the continuity of influence of Western art style in the development scenario of local sculpture. This assessment specializes only on a work “Relationships” (1964) by Syed Ahmad Syed Jamal. This study involves the implementation of formal analysis frameworks through comparative methods and iconographic interpretation. Specifically, the understanding of the iconography of symbolic meanings is capable of assuming the understanding of assimilation, adaptation and application of formalism, and systematically understanding the contents of its condition with the conjunction of western art style. Last but not least, those selected works are referred to as a comparison for the purposes of discussion.

Keywords: *Western art, sculpture, Abstract Expressionism*

PENGENALAN

Seni arca moden Malaysia mungkin tidak bermula atau berkembang tanpa inisiatif awal seniman pelopor seperti Syed Ahmad Jamal, Latiff Mohidin, Redza Piyadasa, Anthony Lau, Yeoh Jin Leng, Lee Kian Seng, Cheong Lai Tong, Tan Tuck Kan dan yang lainnya (Tamyez Bajuri, 1996). Berbekalkan pengalaman mereka di luar negara, kelompok seniman generasi pertama ini telah meneroka dan membangunkan seni arca negara sekitar tahun 60-an. Dari sinilah mula bertapaknya aktiviti pameran arca moden di Malaysia dan terus berkembang hingga ke arena kontemporari dekad ini. Penglibatan dan komitmen mereka telah memberikan sumbangan besar kepada dunia seni arca negara.

Sungguhpun ada kegigihan dan motivasi tinggi seniman ulung berkarya, sejak pameran pertama tahun 1976 di Balai Seni Lukis Negara, komentar tentang seni arca tempatan dan pengaruh seni gaya barat seringkali diperkatakan. “Tinjauan Seni Arca Moden di Malaysia” oleh T.K Sabapathy (1976) menjadi

antara rujukan penting berkaitan arca Malaysia hingga ke hari ini. Artikel beliau turut menyentuh tentang pengaruh gaya barat, iaitu disebutkan bahawa arca “Telur-telur Angkasa” oleh Anthony Lau cenderung terhadap konsep kesederhanaan sepertimana arca-arca teras oleh Constantin Brancusi.

Baharuddin Mohammad Arus (1996) mengatakan tokoh-tokoh arca peneroka seperti Anthony Lau, Lee Kian Seng dan Redza Piyadasa rata-rata mendapat pendidikan formal dalam jurusan arca di Barat. Justeru itu pengaruh pergerakan seni moden diimpot ke dalam budaya seni Malaysia secara mendadak.

Beverly Yong (2003) dalam komentarnya terhadap karya-karya Chin Wan Kee menjelaskan bahawa arca-arca figuratif beliau sangat sebatian dengan tradisi arca Eropah. Merujuk secara spesifik siri *Modern-Primitive*, Yong mengatakan ia adalah naratif yang diilhamkan dari legasi Picasso dan Matisse.

Allahyarham Syed Ahmad Jamal seniman negara juga disebut pernah merujuk bentuk pada karya-karya Constable, Michealangelo, Cezanne, Picasso dan beberapa lagi seniman barat (D’Zul Haimi Md. Zain, 2009). Faizal Sidik (2012) mengatakan bahawa karya-karya Syed Ahmad Jamal adalah terpengaruh dengan gaya ekspresionis dan ekspresionisme abstrak.

Tinjauan ini membayangkan pengaruh gaya barat adalah isu yang tidak putus diperkatakan. Signifikasi kewujudan pengaruh gaya barat dalam penghasilan arca dalam kalangan seniman di Malaysia tidak dibuktikan secara jelas, melainkan hanya sebagai makluman kepada pembaca. Berdasarkan komentar daripada penulis-penulis berkaitan isu pengaruh gaya barat, esei ini akan membicarakan secara khusus tentang karya arca *Perhubungan / Relationship/Link* oleh Syed Ahmad Jamal (1964). Ia adalah untuk mengesan dan membuktikan komentar sepertimana yang disebutkan oleh D’Zul Haimi Md. Zain (2009) dan Faizal Sidik (2005). Esei ini adalah antara siri pembuktian berhasrat untuk mengesan dan menjelaskan secara visual tentang atribut pengaruh gaya barat dan kemungkinan idea-idea disebaliknya sebagai penghayatan terhadap seni arca Malaysia.

Latar Belakang: Syed Ahmad Jamal (1929 -2011) Pelopor Seni Moden Malaysia

Syed Ahmad Jamal dilahirkan pada 19hb September 1929 di Bandar Maharani Johor, dan meninggal dunia pada 30hb Julai 2011. Kronologi pengetahuan beliau bermula dengan pendidikan awal di Sekolah Tambatan Rendah dari tahun 1936 hingga 1938. Pada tahun 1939 beliau menyambung persekolahannya di Sekolah Tambatan Tinggi, dan seterusnya di Ngee Heng English School pada tahun 1940.

Selanjutnya, Syed Ahmad Jamal menamatkan persekolahannya di Bukit Zahra English School dan English College, Johor Bahru hingga tahun 1949. Dari aspek sejarah English College (EC) ditubuhkan pada tahun 1914, dengan permulaan 21 orang pelajar yang dipilih daripada Bukit Zahra English School. Sistem pendidikan di EC adalah berdasarkan sekolah awam Inggeris. Sukatan pelajaran adalah adaptasi daripada sukatan pelajaran Inggeris. EC menjadi menjadi model kepada sekolah-sekolah Inggeris lain di Johor. Di awal penubuhan, guru-guru sekolah ini direkrut dari Eropah, sementara guru-guru terlatih tempatan mengajar mata pelajaran Melayu.

Syed Ahmad Jamal meneruskan pengajiannya di Chelsea School of Architecture, London pada tahun 1950 melalui biasiswa Sultan Ibrahim. Pada tahun 1951 hingga 1955, Syed Ahmad Jamal beralih tumpuan dan mempelajari bidang seni di Chelsea School of Art, London. Minat dan kesungguhannya terhadap seni, beliau telah memenangi beberapa hadiah dalam pertandingan seni lukis. Seterusnya Syed Ahmad Jamal melanjutkan pengajian di Institute of Education, London University pada tahun 1956.

Setelah pulang dari England, Syed Ahmad Jamal berkhidmat sebagai guru di High School, Batu Pahat, Johor dari tahun 1956 hingga 1957. Pada tahun 1957, beliau mengajar di Maktab Perguruan Harian, Kuala Lumpur. Di antara tahun 1958 hingga 1959, beliau menjadi pensyarah di Malayan Teacher’ College, Kirby, Lancs, United Kingdom dan pulang semula ke Maktab Perguruan Harian, Kuala Lumpur pada tahun 1960. Pada tahun 1951 hingga 1963, beliau bertugas sebagai Ketua Jabatan Pendidikan Seni di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Cheras.

Syed Ahmad Jamal adalah seniman tersohor dalam sejarah seni lukis negara dan merupakan tokoh penulisan seni, pereka, pendidik dan pemimpin dalam bidang seni. Penglibatan selama empat puluh tahun bergelut dengan seni, beliau telah berjasa menyumbangkan idea ke arah pembinaan dan perkembangan seni negara. Syed Ahmad Jamal pernah memikul amanah sebagai Pengarah balai Seni Lukis Negara dari tahun 1983 hingga 1991. Berdasarkan usaha, komitmen dan sumbangan yang berterusan, kerajaan menganugerahkan Anugerah Seni Negara kepada beliau pada tahun 1995.

Menyentuh tentang pengkaryaan, Faizal Sidik (2012) menjelaskan bahawa ketika berada di England Syed Ahmad Jamal terpesona dengan aliran ekspresionisme abstrak. Gerakan ini adalah gagasan baru dan beliau melihat ekspresionisme sebagai suatu potensi dan landasan baru dalam menentukan arah tujuan perkembangan seninya. Sementara aliran ekspresionis abstrak pula menjanjikan kesinambungan idea dalam berkarya kerana fleksibiliti yang membenarkan ilham diterjemahkan secara langsung. Penentuan sendiri dan penterjemahan langsung itu memberikan perspektif baru dalam menangani seni. Perspektif ini sepadan dengan wawasan beliau yang melihat seniman sebagai individu yang bebas.

Sebagai usaha mendekati seni Syed Ahmad Jamal, adalah wajar disingkap serba sedikit sentuhan-sentuhan awal penerokaan seni beliau sekitar tahun 1950 an. Karya-karya arca beliau adalah terhad kerana tumpuan beliau lebih pada genre catan. Dengan demikian, sandaran-sandaran lanjut tentang gaya persembahan akan merujuk aspek formalistik catan, untuk mengesan aplikasi dan asimilasi gaya barat dalam karya beliau. ‘Mandi Laut’ (1957) berlatarkan gambaran tempatan merakam situasi kehidupan harian masyarakat kampung yang jauh dari kemudahan asas. Diperhatikan Syed Ahmad Jamal menggunakan isu tempatan, tetapi mengolah bentuk piuhan figura dengan lukisan berwajah herot dan abstrak ekspresionisme sepertimana bandingan di bawah (*Gambar 1*). Ini disifatkan sebagai antara asimilasi dan adaptasi awal gaya barat dalam penetapan kaedah penggayaan karya-karya beliau.




Gambar 1 Perbandingan imajan “Mandi Laut” (1957) oleh Syed Ahmad Syed Jamal dan “Two Bathers” (1958) oleh David Park

Menjejak lebih dekat karya-karya Syed Ahmad Jamal tahun 1960-an, seperti karya ‘Starry Night’ (1961), ‘Relationship’ (1964), ‘Lost’ (1965) ‘19.9.65’ (1965) menjelaskan penjiwaan abstrak ekspresionistik yang sangat dominan, namun mengekalkan latar budaya tempatan. Terkesan oleh ledakan ekspresif tenaga abstrak ekspresionisma telah menzahirkan strok yang lincah, kental, padu dan agresif dalam penyusunan komposisi imej-imej abstrak dalam sapuan warna-warna panas dan sejuk dalam karya beliau.

Sekitar 1970an dan selanjutnya memperlihatkan kesinambungan usaha kreatif, transformasi idea dan kebebasan berekspresi. Eklorasi idea dan makna melewati penghadaman maksud puisi, pelestarian lagenda budaya dan kupasan teks sejarah tempatan. Karya ‘Conference of Soul’ (1970) tercetus dari tafsiran puisi ‘Sidang Roh’ karya penyair Kassim Ahmad (1967), siri ‘Gunung Ledang’ (1987) dari kupasan teks Sejarah Melayu, “Siri Songket” dan ‘Terengganu’ (1986) sebagai usaha melestarikan budaya seni kraf negara. Karya-karya Syed Ahmad Jamal berteraskan akar tradisi budaya Melayu dan beliau mengekalkan inspirasi tema-tema tempatan, namun disampaikan melalui persembahan gaya barat.

REKABENTUK DAN METODOLOGI

Makalah ini dijalankan secara kualitatif melalui dua pendekatan penelitian iaitu penelitian diskriptif dan analisis komparatif. *Rajah 1* di bawah menjelaskan prosidur penyelidikan yang dijalankan.



Rajah 1 Kerangka Operasi Kajian

Kajian Diskriptif

Best (1982) menjelaskan bahawa kajian diskriptif adalah kaedah penelitian yang diusahakan untuk menjelaskan dan menginterpretasi subjek sesuai dengan keberadaannya. Sukmadinata (2006) menerangkan bahawa kajian diskriptif adalah kaedah penelitian untuk mendeskripsi fenomena yang ada pada sesuatu subjek. Atribut yang diteliti termasuklah karakteristik, perubahan, hubungan, kesamaan, dan perbezaan antara fenomena tersebut. Sidek (2002) mengatakan kajian diskriptif dapat memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta dan ciri-ciri sesuatu populasi/ bidang yang diminati secara fakta dan tepat. Kaedah-kedah penyelidikan ini boleh diimplimentasikan samada melalui kajian kuantitatif atau kualitatif melalui analisis data temubual dan dokumentasi (Yeni, 2009).

Dengan demikian kaedah ini diusahakan dengan matlamat untuk mengesan penulisan-penulisan yang menyatakan wujudnya pengaruh gaya seni Barat di Malaysia. Secara khususnya, kajian ini adalah untuk mengesan objek-objek 3-dimensi yang telah dihasilkan oleh Syed Ahmad Jamal yang kemungkinan cenderung dengan pemilikan ciri-ciri sinonim dengan aliran-aliran seni Barat.

Analisis Komparatif



Diusahakan dengan tujuan untuk membandingkan arca "*Perhubungan / Link*" (1964) oleh Syed Ahmad Jamal dan arca "*Relation Humaine / Human Relationship*" (1950) oleh Michel Anasse. Lukisan garis (*line drawing*) dihasilkan bagi kejelasan perbandingan. Atribut perbandingan (*Jadual 1*) jelaskan dengan ketetapan seperti berikut:

- 1) Kesamaan bahan.
- 2) Kesamaan teknikal.
- 3) Kesamaan hal-benda\subjek.
- 4) Kesamaan bentuk\komposisi.
- 5) Kesamaan tajuk.
- 6) Kesamaan gaya.

Ciri-ciri kesamaan perlu mengandungi ketetapan-ketetapan berikut:

- 1) Identifikasi pengaruh. Arca "*Relation Humaine / Human Relationship*" (1950) oleh Michel Anasse bermaksud karya yang mempengaruhi harus dihasilkan terlebih dahulu daripada "*Perhubungan / Link*" (1964) oleh Syed Ahmad Jamal yang menerima pengaruh. Tarikh\tahun penghasilan dirujuk untuk penilaian.
- 2) Identifikasi pemikiran \ ideologi. Mengkaji perkaitan arca "*Perhubungan / Link*" (1964) oleh Syed Ahmad, yang memiliki kecenderungan yang sama atau hampir sama dengan pemilikan sifat-sifat fizikal yang boleh dikesan dalam aspek-aspek gaya, bentuk, teknikal dan bahan.

Analisa Komparatif Karya ‘Perhubungan/Link/Relationship’ (1964)

Perbandingan Imajan	
	
Seniman: Syed Ahmad Jamal. Tajuk: <i>Perhubungan / Link / Relationship</i> . Tahun: 1964. Bahan: Kepingan besi. Dimensi: 39 x 55 x 26 cm.	Seniman: Michel Anasse. Tajuk: <i>Relation Humaine / Human Relationship</i> . Tahun: 1950. Bahan: Dakwat India-lukisan persediaan. Dimensi: 20 x 30cm.


Gambar 2 Perbandingan imajan “Perhubungan/Link/Relationship” (1964) oleh Syed Ahmad Syed Jamal dan “*Relation Humaine / Human Relationship- preparatory drawing*” (1950) oleh Michel Anasse.

Jadual 1 Analisis Komparatif “*Perhubungan / Relationship / Link*” (1964) oleh Syed Ahmad Syed Jamal dan “*Human Relationship / Relation Humaine - preparatory drawing*” (1950) oleh Michel Anasse

		Artis Barat		Artis Tempatan	
No	Atribut Komparatif	Artis: Lynn Chadwick Judul karya: <i>Human Relationship / Relation Humaine</i> (1954)		Artis: Syed Ahmad Syed Jamal Judul karya: <i>Perhubungan/ Relationship / Link</i> (1964)	
1	Kesamaan bahan	√	Besi	√	Besi
2	Kesamaan teknikal	√	Teknik kimpalan	√	Teknik kimpalan
		√	Melipat (<i>Bending</i>)	√	Melipat (<i>Bending</i>)
		√	Melentur cembung (<i>Doming</i>)	√	Melentur cembung (<i>Doming</i>)
3	Kesamaan halbenda	√	Bentuk abstrak	√	Bentuk abstrak
		=	Besi-besi runcing tajam berbentuk segitiga di kedua-dua bahagian bentuk	=	Besi-besi tirus berbentuk segitiga yang genting di tengah bersambung di antara kedua-dua bahagian bentuk
4	Kesamaan bentuk dan komposisi	√	Dua bentuk abstrak yang dihubungkan	√	Dua bentuk abstrak yang dihubungkan
		=	Dua bentuk abstrak bersifat biomorfik	=	Dua bentuk abstrak bersifat geometrik
		√	Elemen gariran sebagai penyambung	√	Elemen gariran sebagai penyambung
		√	Tidak mempunyai tapak	√	Tidak mempunyai tapak
5	Kesamaan tajuk	√	<i>Human Relationship / “Relation Humaine”</i>	√	<i>Relationship / Link</i>
		√	Idea tentang perhubungan dan pertalian.	√	Idea tentang perhubungan dan pertalian.
6	Kesamaan gaya	√	Expressionisme Abstrak	√	Expressionisme Abstrak
Indikator Komparatif:					
√ Hubungan ketara		+	Hubungan sederhana	=	Hubungan minima
				x	Tiada hubungan

Michel Anasse lahir pada 19hb Disember 1935 di Paris, ibukota Perancis, sebuah bandar utama Eropah yang terkenal dengan kegiatan seni dan budaya. Anasse adalah seniman moden serba boleh yang menceburi bidang arca, catan, seramik dan objek-objek dekoratif. Dalam pembuatan arca Anasse mahir mengendalikan bahan-bahan logam seperti besi, aluminium dan tembaga.

“*Relation Humaine/ Human Relationship*” (1950) oleh Michel Anasse adalah sebuah lukisan persediaan untuk arca “*Relation Humaine*”, 1954 (*Gambar 3*). Namun, arca ini hanya dihasilkan sebahagian, tidak sepertimana lukisan cadangan yang asal. Meneliti idea-idea terhadap prinsip-prinsip rekaan dan element seni yang diaplikasi ke dalam lukisan *Relation Humaine* memperlihatkan kesinambungan konsep yang signifikan dengan arca “*Perhubungan / Relationship / Link*” (1964) oleh Syed Ahmad Syed Jamal.



Gambar 3: Gambar sedia ada dan lukisan garis arca “*Relation Humaine / Human Relationship*” (1954) oleh Michel Anasse


Menganalisis bentuk 3-dimensi yang dihasilkan mendapati *Relation Humaine* (1954) dibina menggunakan kepingan besi yang di ketuk melengkung separuh bujur. Dari pandangan tepi, ia kelihatan seperti bulan sabit. Dari bahagian sebelah dalam lengkungan sabit ini keluar untaian bilah-bilah besi tajam seumpama jarum, yang mana sebahagiannya membentuk tiang atau kaki untuk berdiri. Bentuk bilah-bilah besi ini tirus di bahagian hujung manakala pangkalnya berbentuk tiga segi. Pengulangan bentuk dan elemen yang sama kelihatan pada “*Relation Humaine - preparatory drawing*” (1950).

Persembahan dalam karya ini menjelaskan hubungan antara dua komponen bentuk biomorfik yang mempunyai elemen dan prinsip yang sama. Dua komponen bentuk ini disusun bertentangan seperti biasa dalam cermin, namun kedua bentuk ini tidak bercantum diantara satu sama lain. Bilah-bilah besi ini berfungsi sebagai elemen garisan yang kuat untuk memberi getaran dan pergerakan pada bentuk. Kuasa getaran yang dimaksudkan adalah samada penarikan atau penolakan, yang mana menghubungkan kepada sifat-sifat lazim yang wujud dalam hubungan sesama manusia.

Selain Michel Anasse, didapati terdapat seniman-seniman lain yang sangat komited memperjuangkan tema perhubungan adalah pengarca Lynn Chadwick (1914-2003) dengan sejumlah siri arca-arca (sekadar menyebutkan beberapa) yang berkonsepkan ‘gabungan dua komponen bentuk abstrak’ adalah seperti arca *Conjunction* (1953), *Conjunction II* (1957), *Boy and Girl* (1959), *Conjunction VIII* (1959), *Capralos Christos* (1961), *Conjunction XI -Maquette I* (1967), dan *Maquette VI Walking Couple* (1976).

Karya “Perhubungan/ Relationship / Link” (1964) terbit dari cetusan abstrak ekspresionis yang agresif, kental dan padu dalam olahan bentuk abstrak. Arca ini turut mementingkan elemen garisan dengan kesan tampak yang bergetar. Dalam aspek teknikal, konstruksi arca ini berteraskan besi tanpa binaan kerangka, sama seperti kaedah yang diguna oleh Michel Anasse. Bezanya hanya pada bentuk dan bagaimana unsur-unsur yang sama digubah.

Meneliti proses perkembangan kerja, idea asal arca ini sangat kuat kaitannya dengan gaya dan konsep oleh Michel Anasse. Lakaran awal karya ini memaparkan dua komponen bentuk abstrak geometrik sememangnya tidak bercantum (*Gambar 4*). Bentuk asas yang berkaki dikukuhkan dengan elemen-elemen garisan berpaksikan tapak segitiga tebal, muncung yang tajam menirus dan kelihatan sangat teguh.



Gambar 3 Lukisan Sedia Ada dan Lukisan Garis “*Sculptural Drawing I*” (1964) oleh Syed Ahmad Jamal

Syed Ahmad Jamal akhirnya menetapkan untuk menggubah dua bentuk empat segi tepat dalam keadaan menegak untuk dipiuhkan. Kedua-dua komponen bentuk geometrik ini dihubungkan antara satu sama lain menggunakan elemen garisan dengan kualiti yang lebih ekspresif. Emosinya, kualiti garisan ini meninggalkan impak regangan, tekanan dan juga perhubungan / jaringan.

Melihat kepada struktur binaan, kualiti garisan turut mempunyai karektor yang sama dengan arca Michel Anasse, iaitu berbentuk segitiga dipangkal. Sedikit perbezaan pada arca Syed Ahmad Jamal kerana sambungan yang dibuat dalam keadaan tirus memanjang hingga ke bahagian tengah, dan kembali mengembang menjadi segitiga semula pada pangkal di sebelah hujung permukaan komponen yang lain.

Garisan berpintal dari dua tebing permukaan yang kaya dengan jalinan kasar di usahakan untuk menyampaikan isu tentang perhubungan. Ia adalah konflik perhubungan antara sesama manusia, sebagai sebahagian pengalaman hidup seniman itu sendiri. Ketegangan dan kekeliruan dirasai dengan kuat oleh sebab simbolik tarikan kuasa pelbagai kemungkinan, seperti kemungkinan terhadap perpecahan kepada dua bahagian, atau kembali bertaut menjadi satu sekali lagi.

Meluahkan ketegangan perasaan dari episod ini, lukisan minyak bertajuk “*pertalian*” (1964) dihasilkan dengan warna-warna suram kekuningan melalui kelantangan tekanan dan sapuan berus dalam semua arah. Ia adalah simbolik kepada keadaan yang tidak lagi terkawal, seterusnya mengilhamkan catan “19.9.65” sempena hari jadi dan menandakan tahun berakhirnya ikatan perkahwinan beliau.

Tidak ditemui apa-apa makna simbolik terhadap piuhan bentuk empat segi tepat dan garisan dalam budaya Melayu. Ini kerana piuhan bentuk empat segi adalah ciptaan imajinasi manusia hasil abstraksi dari rupa yang ada di alam. Sungguhpun demikian konotasi bentuk empat segi sangat kuat dengan Islam bila dirujuk kepada kiblat umat Islam seluruh dunia. bentuk segi empat diungkap dengan erti hidup yang memerlukan keseimbangan. Ka’bah bentuk kubus bersisi enam yang menghadap ke semua arah.

Kesamaan ukuran enam sisi pada bentuk empat segi diibaratkan kepelbagaian bentuk tindakan atau perbuatan dalam kehidupan yang harus seimbang dari aspek kualiti dan kuantiti (Natawisastro,1979). Kiasan ini sebagai lambang upaya hidup sehingga tercipta kesempurnaan dalam perbuatan atau perilaku manusia. Iaitu pengertian dalam makna positif dengan penekanan ke arah kehidupan duniawi (bekerja,

hubungan manusia dengan manusia, hubungan manusia dengan alam) dan kehidupan akhirat (hubungan manusia dengan Allah SWT), (Hidayat, 2005).

Analoginya, terpuuhnya bentuk empat segi itu seumpama runtuh binaan masjid sebagai kiasan pada suatu ikatan perkahwinan. Namun, dalam konteks seni Islami dan kebudayaan Melayu, ia adalah prinsip-prinsip yang tidak bertentangan dengan akidah, amalan dan kepercayaan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Gaya Abstrak Ekspresionisme menjelaskan tentang imej mujarrad, yang ideanya bukan dalam bentuk ciptaan rupa sebenar, sebaliknya cubaan meneroka kreativiti abstraksi untuk menyampaikan emosi dan makna berasaskan imej-imej bukan realiti. Arca “*Perhubungan*” (1964) oleh Syed Ahmad Jamal mempunyai cara yang tersendiri untuk menyatakan emosi yang disalurkan melalui bahantara industri dan ilusinasasi.

Subjek dimanipulasi, pengolahan bentuk, ruang, skala dan warna seringkali ditonjolkan dengan ciri-ciri seperti berikut:

- i. Tidak menggunakan bahan-bahan atau warna konvensional.
- ii. Elemen garisan dizahir dengan ketegangan, kebimbangan, dan pergerakan yang penuh persoalan
- iii. Subjek-subjek lebih cenderung kepada bentuk amorfus (tidak dapat ditentukan; kabur, samar) dalam warna-warna terang.
- iv. Menggunakan bahan-bahan dan mekanikal industri iaitu binaan struktur didirikan menggunakan teknik kimpalan
- v. Subjek-subjek pilihan bukan persembahan sebenar alam nyata, sebaliknya hasil unjuran idea dalaman yang mengutamakan keadaan emosi dan psikologi. Imej-imej dipehkan kepada bentuk yang asing dari kelaziman.

Kesimpulan

Arca “*Relation Humaine/Human Relationship*” (1950) oleh Michel Anasse diunjurkan memiliki kadar kesamaan yang paling hampir untuk dirujuk dan dibandingkan dengan arca “*Perhubungan / Link*” (1964) oleh Syed Ahmad Jamal sebagai memiliki kesan pengaruh gaya barat yang signifikan.

Justifikasi arca “*Perhubungan / Link*” (1964) dibuat berdasarkan atribut yang boleh dilihat seperti mana yang dijelaskan pada Jadual 1 dalam analisis komparatif. Kajian merumuskan bahawa arca “*Perhubungan / Link*” (1964) menerima pengaruh gaya barat yang ketara. Ini dikenal pasti melalui analisa idea dan rekonstruksi bentuk melibatkan semua atribut kajian yang jelas menunjukkan kesan rujukan langsung seniman barat menerusi aliran Ekspresionisme Abstrak.

Meneliti adaptasi kesenian Melayu dalam arca “*Perhubungan / Link*” (1964) didapati objek-objek abstrak secara langsung menjelaskan tajuk. Persembahan bersahaja dengan olahan bentuk-bentuk mudah seakan minimalis, namun kombinasi prinsip dan elemen seni yang padu memberikan impak visual yang kuat. Konsep ekspresi mujarrad yang sebegini tidak dipraktik dalam seni Melayu, yang sifatnya lembut dan mesra kepada subjek alam dalam analogi yang berobjektif khusus.

Meneliti adaptasi kesenian Islam dalam karya ini, ia di simpulkan bahawa konsepnya tidak kepada bentuk tetapi mempunyai nilai Islamik dalam aspek penafian subjek figuratif sebenar, dan konsep pengulangan geometrik. Konstruksi bentuk berasaskan abstraksi adalah antara ciri-ciri diterima sebagai mematuhi dasar budaya tempatan.

Rujukan

- Baharuddin Mohammad Arus. (1996). *Dialog kurator tamu dalam persoalan tradisi & kemodenan: Pameran seni arca kontemporari Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara: Kuala Lumpur.
- Baverly Yong. (2003). *Formative: contemporary Malaysian sculpture*. Valentine Willie Fine Art: Kuala Lumpur.
- B.N. Marbun. (1996). *Kamus Politik*. Jakarta: Pustaka Sinar Harapan.
- D’Zul Haimi Md. Zain. (2009). *Syed Ahmad Jamal: Pelukis*. Balai Seni Lukis Negara. Utusan Printcorp Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Faizal Sidik. *Penerokaan stail Syed Ahmad Jamal dalam seni lukis sezaman Malaysia*. <http://faizalsidik.blogspot.my/2012/12/penerokaan-stail-syed-ahmad-jamal-dalam.html>. Web. 29/04/17.
- Hidayat, Rachmat Taufik, Haerudin Dinding, Muhtadin, Teddy Darpan, Sastramidjaja. (2005). *Makna-makna urang Sunda*. Kiblat Buku Utama: Bandung.
- Magen H Gallery, *Michel Anasse –“Relation Humaine”* <http://www.magenxxcentury.com/designers/additional-designers/michel-anasse-and34relation-humaineand34-sold>. Web., 03/03/17.
- Natawisastra, Mas. (1979). *Saratus Paribasa Jeung Babasan III*. Departemen, Pendidikan dan Kebudayaan, Indonesia.
- Tamyez Bajuri. (1996). *Dialog kurator tamu dalam persoalan tradisi & kemodenan: Pameran seni arca kontemporari Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara: Kuala Lumpur.
- T.K Sabapathy. (1976). *Tinjauan seni arca moden di Malaysia*. Balai Seni Lukis Negara. United Selangor Press: Kuala Lumpur.